



## SOALAN LAZIM (FAQ)

# PROJEK MENAIK TARAF LANDASAN DAN INFRASTRUKTUR KVDT2 DARI STESEN SALAK SELATAN HINGGA STESEN SEREMBAN DAN PENJADUALAN BAHARU BAGI LALUAN BATU CAVES – PULAU SEBANG – BATU CAVES BERMULA 18 APRIL 2026



### 1. Bilakah penutupan landasan ini akan bermula?

Penutupan landasan bagi laluan Stesen Salak Selatan hingga Stesen Seremban akan bermula pada **18 April 2026 (Sabtu)**.

### 2. Mengapa landasan ini ditutup?

Penutupan ini adalah untuk memberi laluan kepada kerja-kerja naik taraf infrastruktur dan landasan berkembar KVDT2, demi memastikan perjalanan tren yang lebih selamat, lancar dan selesa pada masa hadapan.

### 3. Berapa lama tempoh kerja naik taraf ini dijalankan?

Kerja-kerja naik taraf bagi projek KVDT2 di sektor ini dijangka bermula pada 18 April 2026 hingga 31 Disember 2026, bergantung kepada perkembangan semasa projek

**4. Apakah kesan kepada perkhidmatan KTM Komuter semasa projek KVDT2 dijalankan?**

Sepanjang tempoh pelaksanaan projek KVDT2, jadual perkhidmatan KTM Komuter Laluan Batu Caves – Pulau Sebang – Batu Caves akan beroperasi seperti berikut:

- a) Perkhidmatan laluan Pulau Sebang – Batu Caves akan beroperasi hanya pada waktu puncak pagi (5 trip) dan Batu Caves – Pulau Sebang pada waktu puncak petang (5 trip) sahaja.
- b) Bagi di luar waktu puncak perkhidmatan tren hanya beroperasi bermula dari Batu Caves ke Midvalley dan dari Salak Selatan ke Batu Caves.

**5. Berapakah kekerapan perkhidmatan KTM Komuter Laluan Batu Caves – Pulau Sebang – Batu Caves semasa projek KVDT2 ini berlangsung?**

Berikut adalah kekerapan perkhidmatan KTM Komuter Laluan Batu Caves – Pulau Sebang – Batu Caves:

<i>Laluan</i>	<i>Masa</i>	<i>Catatan</i>
<i>Seremban ke KL Sentral</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 trip perjalanan (6:06am – 7:21am dengan kekerapan setiap 15 - 30 minit pada hari bekerja)</li> <li>• 2 trip perjalanan sahaja (7:06am dan 7:51am pada hari Sabtu, Ahad, dan HKA)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada perkhidmatan selepas 7:21am pada hari bekerja.</li> <li>• Tiada perkhidmatan selepas jam 7:51am pada hari Sabtu, Ahad, dan HKA</li> </ul>
<i>KL Sentral ke Seremban</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 trip perjalanan (4:11pm – 7:11pm dengan kekerapan setiap 30 minit setiap hari pada hari bekerja).</li> <li>• 2 trip perjalanan sahaja (6:21pm dan 7:11pm pada hari Sabtu, Ahad, dan HKA)</li> </ul>	<p><i>Tiada perkhidmatan dari jam 6:00am hingga 4:11 pm) pada hari bekerja.</i></p> <p><i>Tiada perkhidmatan dari jam 6:00am hingga 6:21 pm) pada hari Sabtu, Ahad, dan HKA.</i></p>

<i>Batu Caves ke Midvalley</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 16 trip perjalanan (7.00am – 9.45pm) dengan kekerapan satu (1) jam pada hari bekerja.</li> <li>• 15 trip perjalanan (7.00am – 9.45pm) dengan kekerapan satu (1) jam pada hari bekerja.</li> </ul>	<i>Perkhidmatan tren ini bermula dari Stesen Batu Caves dan tamat di Stesen Midvalley.</i>
<i>Salak Selatan ke Batu Caves</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 16 trip perjalanan (8.17am – 10.17pm) dengan kekerapan satu (1) jam pada hari bekerja.</li> <li>• 15 trip perjalanan (7.57am – 10.17pm) dengan kekerapan satu (1) jam pada hari bekerja.</li> </ul>	<i>Perkhidmatan tren ini bermula dari Stesen Salak Selatan dan tamat di Stesen Batu Caves.</i>

**6. Apakah kesan pengurangan trip KTM Komuter bagi laluan KL Sentral – Seremban kepada pengguna?**

Pengurangan kekerapan perjalanan menyebabkan pengguna perlu merancang perjalanan dengan lebih awal, kerana masa menunggu tren akan lebih lama pada hari bekerja dan hujung minggu di mana tiada perkhidmatan di laluan ini dari jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang.

**7. Adakah KTMB menyediakan perkhidmatan alternatif bagi mengurangkan kesulitan pengguna?**

**TIADA** perkhidmatan alternatif seperti bas disediakan oleh pihak KTMB. Pengguna disarankan merancang perjalanan lebih awal dan menggunakan pilihan pengangkutan lain yang bersesuaian sepanjang tempoh ini.

8. Apakah perkhidmatan alternatif lain yang boleh digunakan oleh pengguna KTM Komuter bagi laluan KL Sentral – Seremban – KL Sentral?

Stesen terlibat	Perkhidmatan Alternatif
KL Sentral	MRT Laluan Kajang LRT Laluan Kelana Jaya – LRT Laluan Sri Petaling ERL Laluan KLIA Transit Perkhidmatan ETS Perkhidmatan bas ekspres ke Seremban (Pudu Sentral (UTC) & Terminal Bandar Tasik Selatan (TBS)). E-hailing
Seputeh	Bas RapidKL E-Hailing
Salak Selatan	LRT Laluan Sri Petaling
Bandar Tasik Selatan	LRT Laluan Sri Petaling, ERL Laluan KLIA Transit Perkhidmatan ETS E-hailing
Serdang	Bas RapidKL dari LRT Sungai Besi MRT Laluan Putrajaya
Kajang	Perkhidmatan ETS MRT Laluan Kajang
Kajang 2	MRT Laluan Kajang – ambil Bas RapidKL dan Bas Perantara MRT
UKM	MRT Laluan Kajang – ambil Bas RapidKL dan Bas Perantara MRT
Bangi	MRT Laluan Kajang – sambungan E-Hailing
Batang Benar	Bas.MY – N50 – perhentian bas di hadapan stesen KTM
Nilai	Bas.MY – N50, N52 Terminal Nilai Sentral
Labu	Bas.MY – N52 Hentian Pekan Labu
Tiroi	Bas.MY - N52 Hentian Taman Tiroi Labu
Seremban	Perkhidmatan ETS Terminal One Seremban – Bas Ekspres ke Kuala Lumpur dan Bas.MY (Batang Benar – Tampin)
Senawang	Bas.MY - N60B Hentian di Taman Bukit Emas/JPJ
Sungai Gadut	Bas.MY - N60A Hentian KTM Sg Gadut
Rembau	Bas.MY - N60A Perhentian Bas Rembau

<b>Pulau Sebang</b>	<b>Perkhidmatan ETS Bas.MY - N60A Terminal Tampin</b>
---------------------	---

**9. Berapakah harga tambang Bas.MY dan bagaimana cara membuat pembayaran?**

Pengguna boleh membayar tambang sehala bagi setiap perjalanan, kecuali bagi pengguna Kad 30 Hari dan Kad Konsesi. Boleh layari laman sesawang [PORTAL RASMI BAS.MY | PENGENALAN](#) untuk maklumat lanjut.

**Kadar tambang:**

- **RM0.94 untuk 2 kilometer pertama**
- **RM0.094 untuk setiap kilometer berikutnya atau sebahagiannya**

**Cara pembayaran:**

Pengguna boleh memilih kaedah pembayaran yang paling mudah, termasuk:

- **Tunai**
- **Kad debit/kredit**
- **Kod QR**

**10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat mengenai jadual waktu perjalanan perkhidmatan KTM Komuter laluan KL Sentral – Pulau Sebang – KL Sentral?**

Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai jadual waktu perjalanan perkhidmatan KTM Komuter laluan Batu Caves – Pulau Sebang – Batu Caves di:-

- Laman sesawang KTMB - <https://www.ktmb.com.my/TrainTime.html>
- MyRailtime di aplikasi KTMB Mobile
- Papan kenyataan di stesen-stesen laluan KTM Komuter Lembah Klang

**11. Adakah Jadual Waktu Perkhidmatan KTM Komuter Laluan Tanjung Malim – Pelabuhan Klang – Tanjung Malim akan mengalami perubahan?**

Tidak. Laluan Tanjung Malim – Pelabuhan Klang – Tanjung Malim akan menggunakan jadual waktu sedia ada sehingga dimaklumkan kelak.

**12. Di manakah saya boleh membuat pertanyaan lanjut berkaitan jadual waktu ini?  
Anda boleh menghubungi KTMB melalui saluran berikut:**

**a) Media sosial rasmi KTMB:**

- **Facebook:** KTM Berhad
- **X (Twitter):** @ktm\_berhad
- **Instagram:** ktmbofficial

**b) Pusat Panggilan KTM Berhad:**

- Talian: **03-9779 1200**
- Waktu operasi: **7.00 pagi – 10.00 malam**

**c) Kaunter di stesen:**

- Kunjungi kaunter di stesen KTMB berhampiran untuk pertanyaan secara langsung.

**[Tamat]**